

FOBANCORT CREAM

Fusidic Acid (2.0% w/w), Betamethasone Dipropionate (0.064% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fobancort Cream
2. Bagaimana Fobancort Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fobancort Cream
4. Cara menggunakan Fobancort Cream
5. Semasa menggunakan Fobancort Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan perlupusan Fobancort Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Fobancort Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Fobancort Cream

Fobancort Cream digunakan untuk jangkitan kulit radang, psoriasis dan mana-mana jangkitan kulit yang disebabkan oleh kuman seperti *Staphylococcus* dan *Streptococcus*.

Bagaimana Fobancort Cream berfungsi

Fobancort Cream mengandungi bahan-bahan aktif fusidic acid dan betamethasone dipropionate. Setiap gram krim mengandungi 20 mg fusidic acid dan 0.64mg betamethasone dipropionate.

Fusidic Acid adalah antibiotik yang memberi aktiviti antibakteria

terhadap kuman (bakteria) pada kulit.

Betamethasone dipropionate adalah sejenis *corticosteroid* (steroid) yang membantu untuk mengurangkan bengkak, kegatalan dan kemerahan kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Fobancort Cream

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Fobancort Cream sekiranya:

- Anda adalah hipersensitif terhadap sebarang bahan-bahan yang berkaitan dengan ubat ini atau ubat corticosteroid yang lain.
- Anda menghadapi jangkitan virus kulit, batuk kering, *acne rosacea* (sejenis jerawat), jangkitan kulat kulit, keradangan kulit di sekeliling bibir dan ulser.

Sebelum menggunakan Fobancort Cream

Maklumkan ahli farmasi atau doktor:

- Sekiranya anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan jangkitan.
- Jika anda menggunakan mana-mana ubat yang memerlukan preskripsi atau ubat-ubatan tanpa preskripsi atau produk kulit.
- Jika anda menggunakan pada anak kecil. Penyerapan sistemik boleh berlaku dalam penggunaan secara topikal dan menyebabkan kerencatan pertumbuhan. Oleh itu, langkah berjaga-jaga yang sesuai juga perlu diambil apabila merawat *stasis dermatitis* (keradangan kulit pada bahagian bawah kaki) dan penyakit kulit lain yang peredarannya terjejas.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.
- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Terdapat bukti menunjukkan bahawa ubat ini boleh menembusi lapisan plasenta dan dikesan di dalam susu badan.

Jika mengguna ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Terutamanya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil Penicillins sebelum anda mula mengambil Fobancort Cream kerana ubat-ubatan ini boleh berinteraksi antara satu sama lain.

Cara menggunakan Fobancort Cream

Berapa banyak harus digunakan

Sapukan ubat dua kali sehari. Rujuk kepada dos yang dicadangkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak di bawah 2 tahun. Runding dengan doktor dan ahli farmasi sekiranya ingin memberikan ubat ini kepada kanak-kanak tersebut.

Bila perlu digunakan

Sapukan ubat selepas membersihkan bahagian yang terjejas.

Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk tempoh rawatan.

Jika terlupa menggunakan

Gunakan dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Penggunaan seterusnya adalah seperti biasa.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan yang berlebihan tidak akan menyebabkan sebarang kesan yang merbahaya.

Jika anda mengesyaki bahawa anda terlebih dos, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Bawa bersama baki ubat dengan anda.

Semasa menggunakan Fobancort Cream

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengguna sebarang ubat baru, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Fobancort Cream.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Fobancort Cream sekiranya anda mengalami iritasi atau sensitif selepas menggunakan ubat ini.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini tidak boleh digunakan di dalam atau kawasan berhampiran mata. Jika ini berlaku, basuhkan mata anda dengan pencuci mata. Mata anda mungkin menyengat. Sekiranya anda mengalami sebarang masalah penglihatan atau mata sakit, hubungi doktor anda dengan segera.

Jangan menggunakan ubat ini dalam jangka masa yang lama, melainkan doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda.

Jangan telan ubat ini. Kuantiti yang kecil tidak akan menyebabkan apa-apa kemudaratan. Jika anda tidak sengaja menelan dalam kuantiti yang banyak, sila hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Fobancort Cream boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak diinginkan pada segelintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, tetapi kebiasaannya ia tidak serius.

Reaksi hipersensitiviti dalam bentuk ruam dan kerengsaan boleh berlaku selepas penggunaan secara topikal. Kesan sampingan setempat yang dilaporkan adalah:

- Rasa terbakar
- Gatal
- Kerengsaan
- Kekeringan
- Folikulitis (keradangan folikel rambut)
- Hypertrichosis (pertumbuhan rambut yang berlebihan)
- Jerawat meletus
- Perubahan warna kulit
- Kulit menjadi lembut
- Jangkitan sekunder
- Kulit menjadi nipis
- Tanda regangan
- Ruam panas

Dos kortikosteroid yang tinggi boleh menghasilkan gejala-gejala yang biasa dijumpai dengan hipersensitiviti pada korteks adrenal seperti 'moon face' (muka menjadi bulat dan sembab), pertumbuhan rambut pada wanita yang tidak diinginkan, bonggol di atas bahu, kemerahan, kadang-kadang menjadi 'Cushing's Syndrome'.

Berhenti mengambil ubat ini dan mendapatkan bantuan segera jika anda mengalami: kesukaran bernafas, muka dan tekak membengkak dan kulit ruam yang teruk.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan perlupusan Fobancort Cream

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat tidak boleh dibuang ke dalam sisa air. Buang ubat selepas tarikh luput.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Fobancort Cream ialah krim yang halus dan berwarna putih.

FOBANCORT CREAM boleh didapati dalam tiub aluminium 5g atau 15g.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Setiap gram krim mengandungi 20mg Fusidic Acid dan 0.64mg Betamethasone Dipropionate.

Bahan-bahan tidak aktif:
Cetomacrogol 1000, White Soft Paraffin, Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Propylene Glycol, Purified Water.

Nombor MAL

MAL19987365AZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/05/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)250515/00122